

JENDERAM HULU: Penduduk di Kampung Jenderam Hulu dekat sini mahu pihak berkuasa terutama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memperbaiki struktur di lokasi pertembungan Sungai Palembang dan Sungai Jenderam yang kini menjadi "lubuk maut" serta berbahaya terutama kepada kanak-kanak.

Ia kerana kejadian dua beradik perempuan, Nurfatimah Hamid, 10, dan adiknya, Siti Fatimah berusia enam tahun yang mati lemas dalam lubuk itu pada 27 September lalu masih menghantui mereka dan berharap kejadian itu tidak berulang.

Lubuk itu terbentuk apabila arus Sungai Palembang yang lebih dalam dasarnya memasuki Sungai Jenderam menyebabkan lokasi itu menjadi semakin dalam melebihi dua meter walaupun kawasan sekitarnya cetek serta berpasir.

Tinjauan mendapati selepas kejadian itu, JPS meletakkan notis amaran di situ tetapi penduduk menganggap ia tidak memadai selagi kedalaman lubuk itu tidak dibaiki.

Pihak berkuasa pernah membuat pembetung konkrit di kawasan berkenaan tetapi ia pecah dipercayai tidak tahan dengan hakisan air.

Masalah itu jelas apabila air Sungai Palembang yang memasuki Sungai Jenderam



'Lubuk maut'

SHAIRUL menunjukkan lubuk maut sedalam dua meter yang terhasil apabila pertembungan antara dua sungai.

JPS disaran baiki struktur kerana lengcungan punca arus deras, hakisan

tidak mempunyai lengcungan menyebabkan arus kuat sehingga lokasi yang cetek itu menjadi dalam.

Penduduk, Shairul Azli Bhari, 43, berkata arus Sungai Palembang ke Sungai Jenderam itu memang berbahaya dan sepatutnya JPS membuat lengcungan selari dengan Sungai Jenderam dalam

bentuk bertingkat supaya air tidak begitu laju dan menghakiskan tanah sehingga membentuk lubuk.

"Memang mana-mana sungai atau tempat lain, lengcungan yang dibuat seperti ini yang menimbulkan bahaya kepada orang ramai kerana konkrit yang dipasang itu juga pecah," katanya.

Dalam kejadian itu juga, kedua-dua beradik itu dikatakan tersangkut pada besi konkrit di dalam lubuk itu ketika penduduk menyelamatkan mereka.

"Sungai Jenderam tidak dalam dan hanya setakat buku lali saja. Secara logiknya, mana-mana budak yang bermain tidak akan lemas sehing-

ga mengorbankan nyawa.

"Namun, apa yang berlaku, lengcungan yang tidak dibuat selari itu tanpa bertingkat menyebabkan air deras dan lokasi itu menjadi dalam kerana hakisan yang berlaku dan sehingga kini lokasi itu sedalam hampir dua meter," katanya.

Penduduk lain, Yusri Abu,

“Memang mana-mana sungai atau tempat lain, lengcungan yang dibuat bukan seperti ini yang menimbulkan bahaya kepada orang ramai kerana konkrit yang dipasang itu juga pecah”

Shairul Azli Bhari
Penduduk

49, berkata papan tanda yang dipasang itu tidak akan memberi sebarang kesan dalam usaha meningkatkan keselamatan penduduk, sebaliknya tindakan pantas lain perlu dilakukan bagi mengatasi masalah itu.

"Apa masalahnya untuk membuat lengcungan secara berperingkat kerana selagi lengcungan seperti itu tidak dilakukan, masalah ini tidak selesai dan lubuk yang kini sedalam dua meter juga tidak mustahil akan menjadi sedalam 10 meter.

"Kami berharap, JPS membuka mata terhadap apa yang berlaku selain mengelak lebih banyak orang menjadi korban," katanya.